


# **AKU JANJI INTEGRITI PENEMU DUGA DAN PENJELASAN**



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

---

- 1. Melaksanakan tugas dengan jujur, amanah, adil dan bertanggungjawab;**
  - memastikan penilaian dilaksanakan berdasarkan keupayaan, kompetensi, potensi dan keterampilan calon agar hanya calon yang terbaik dilantik dalam perkhidmatan awam.
- 2. Memelihara integriti diri terhadap percubaan untuk mempengaruhi keputusan temu duga;**
  - penilaian tidak dipengaruhi dengan sebarang bentuk sokongan dan perakuan daripada pihak lain.
- 3. Memilih calon terbaik berdasarkan merit;**
  - memilih calon terbaik tanpa dipengaruhi dengan latar belakang keturunan, etnik, agama, sosioekonomi atau kecenderungan politik.
- 4. Mengisyiharkan kepada Suruhanjaya dengan segera jika mengenali calon atau keluarga terdekat calon yang boleh mempengaruhi penilaian; dan**
  - memaklumkan Urus Setia SPA lebih awal sekiranya terdapat calon-calon yang dikenali atau keluarga calon dikenali dan dikhuatiri tidak dapat membuat penilaian yang objektif.

- 
- 5. Mengecualikan diri daripada menemu duga calon yang mempunyai hubungan keluarga terdekat.**
    - tidak menemu duga ahli keluarga terdekat seperti adik-beradik, sepupu, anak saudara bagi mengelakkan persepsi negatif terhadap ketelusan penilaian.
  - 6. Tidak mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan urusan temu duga kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88);**
    - tidak berkongsi maklumat mengenai pelantikan sebagai ahli temu duga, jawatan yang di temu duga kepada pihak-pihak yang tidak wajar mengetahui.
  - 7. Tidak bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjaskannya ketelusan dan keadilan dalam urusan temu duga;**
    - tidak membuat percaturan (*predetermine*) untuk memilih calon yang diperakukan oleh pihak lain.
  - 8. Tidak menerima apa-apa pemberian daripada calon dan orang yang mempunyai kepentingan dengan calon;**
    - menolak sebarang bentuk pemberian yang mempengaruhi penilaian calon.
  - 9. Tidak membelakangkan kepentingan perkhidmatan awam demi kepentingan peribadi;**
    - sentiasa mencari calon yang terbaik untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan.



**Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana perkara dalam Aku Janji ini, urusan temu duga yang di kendali oleh saya boleh dibatalkan oleh Suruhanjaya dan boleh dikenakan tindakan di bawah peraturan yang berkuat kuasa.**

- Suruhanjaya boleh membatalkan urusan temu duga yang didapati tidak memenuhi aku janji. Dalam konteks ini, jika sabit salah laku penemu duga boleh diambil tindakan mengikut peraturan berkenaan.